



KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA

## LAPORAN EKSEKUTIF

# KAJIAN PENILAIAN IMPAK HARGA UBAT-UBATAN YANG DIBELI SECARA PEROLEHAN BERSAMA (*POOLED PROCUREMENT*) DI SEKTOR AWAM

Cawangan Pengurusan Harga Ubat &  
Cawangan Pengurusan Farmasi Logistik,  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi  
Program Perkhidmatan Farmasi

2023





**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KAJIAN PENILAIAN IMPAK  
HARGA UBAT-UBATAN YANG DIBELI  
SECARA PEROLEHAN BERSAMA  
(*POOLED PROCUREMENT*)  
DI SEKTOR AWAM**

**Laporan Eksekutif  
2023**

**Penerbitan  
Program Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

2023

© Kementerian Kesihatan Malaysia

Laporan ini mempunyai hak cipta. Pengeluaran semula dan penyebaran laporan secara sebahagian atau keseluruhannya untuk tujuan penyelidikan, pendidikan atau lain-lain tujuan bukan komersial adalah dibenarkan tanpa sebarang kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hak cipta dengan syarat sumber diiktiraf sepenuhnya. Petikan yang dicadangkan ialah: Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (2023). Laporan Eksekutif Kajian Penilaian Impak Harga Ubat-ubatan Yang Dibeli Secara Perolehan Bersama (*Pooled Procurement*) di Sektor Awam 2023.

Laporan Eksekutif Kajian Penilaian Impak Harga Ubat-ubatan Yang Dibeli Secara Perolehan Bersama (*Pooled Procurement*) di Sektor Awam 2023 dibiayai oleh Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan telah berdaftar dengan *National Medical Research Registry* dengan No. ID: NMRR-22-02009-S9V(IIR).

Laporan ini dihasilkan dengan kerjasama Cawangan Pengurusan Harga Ubat dan Cawangan Pengurusan Farmasi Logistik di bawah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi. Sekalung penghargaan ditujukan kepada Bahagian Perolehan dan Penswastaan (BPPs) Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan kementerian-kementerian lain yang terlibat dalam perolehan tender secara perolehan bersama (*pooled procurement*) antara kementerian.

**Penerbitan oleh:**

Cawangan Pengurusan Harga Ubat  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi  
Program Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, Pjs 13,  
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

Tel : (603) 7841 3200

Laman sesawang : <https://www.pharmacy.gov.my>

e ISBN 978-967-2854-35-7



No siri penerbitan KKM  
MOH/S/FAR/110.23 (RR)-e

No Pendaftaran Dokumen Program  
Perkhidmatan Farmasi A-GU 110

## Editorial

### PENAUNG

**Norhaliza binti A Halim**

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### PENASIHAT

**Wan Noraimi binti Wan Ibrahim**

Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Fuziah binti Abdul Rashid**

Mantan Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### KETUA EDITOR

**Fatkhiah binti Haji Khalil**

Timbalan Pengarah  
Cawangan Pengurusan Harga Ubat  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

### EDITOR

**Norhuda binti Mohd Tajuddin**

Timbalan Pengarah  
Cawangan Pengurusan Farmasi Logistik  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

**Wan Nor Ashikin binti Wan Ibrahim**

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Cawangan Pengurusan Harga Ubat  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

**Dazlinawati binti Daud**

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Cawangan Pengurusan Farmasi Logistik  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

**Saliza binti Ibrahim**

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Cawangan Pengurusan Harga Ubat  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

**Nor Farahain binti Yahya**

Pegawai Penyelidik MySTEP  
Cawangan Pengurusan Harga Ubat  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

**Akrimi Najihah binti Mohd Khamil**

Pegawai Penyelidik MySTEP  
Cawangan Pengurusan Harga Ubat  
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

## ISI KANDUNGAN

Editorial .....	iii
Senarai Rajah .....	vi
Senarai Jadual .....	vi
Senarai Singkatan.....	vii
1.0 PENGENALAN .....	1
2.0 LATAR BELAKANG.....	2
3.0 PELAKSANAAN PEROLEHAN UBAT-UBATAN SECARA BERSAMA KKM, KPT DAN MINDEF .....	5
4.0 METODOLOGI ANALISIS PEROLEHAN SECARA BERSAMA.....	7
4.1 Rekabentuk dan sumber data .....	7
4.2 Pengiraan dalam analisis .....	9
5.0 HASIL ANALISIS.....	11
5.1 Anggaran penjimatan .....	11
5.1.1 Penjimatan secara keseluruhan sektor awam.....	11
5.1.2 Penjimatan mengikut kementerian .....	12
5.1.3 Penjimatan mengikut tier harga per unit .....	13
5.1.4 Penjimatan mengikut perubahan jenama produk.....	15
5.1.5 Senarai ubat tertinggi yang menyumbang kepada penjimatan .....	22
5.2 Perbezaan harga.....	27
5.2.1 Perbezaan harga mengikut kementerian .....	27
5.2.2 Perbezaan harga berdasarkan perubahan jenama produk .....	29
KESIMPULAN .....	33
Lampiran 1 .....	34
Lampiran 2 .....	36
Lampiran 3 .....	37

LAPORAN EKSEKUTIF KAJIAN PENILAIAN IMPAK HARGA UBAT-UBATAN YANG DIBELI SECARA  
PEROLEHAN BERSAMA (*POOLED PROCUREMENT*) DI SEKTOR AWAM 2023

Lampiran 4 .....	39
Lampiran 5 .....	40
Lampiran 6 .....	41
Lampiran 7 .....	42
RUJUKAN .....	43

## Senarai Rajah

Rajah 1 Nilai anggaran penjimatan secara keseluruhan perolehan bersama di sektor awam	11
Rajah 2 Anggaran penjimatan dan tiada penjimatan mengikut kementerian .....	12
Rajah 3 Anggaran penjimatan mengikut tier harga per unit berdasarkan nilai penjimatan keseluruhan .....	13
Rajah 4 Anggaran penjimatan mengikut tier harga per unit berdasarkan a) nilai penjimatan dan b) nilai tiada penjimatan .....	14
Rajah 5 Anggaran penjimatan mengikut perubahan jenama produk .....	15
Rajah 6 Anggaran penjimatan keseluruhan mengikut jenama dan kementerian .....	17
Rajah 7 Anggaran penjimatan mengikut jenama produk dan kementerian .....	19
Rajah 8 Anggaran tiada penjimatan mengikut jenama produk dan kementerian .....	20
Rajah 9 Perbezaan harga (per unit) mengikut kementerian .....	27

## Senarai Jadual

Jadual 1 Senarai ubat dan justifikasi ubat-ubatan tidak dapat diperoleh secara perolehan bersama .....	6
Jadual 2 Senarai 5 ubat tertinggi dengan penjimatan mengikut kementerian .....	22
Jadual 3 Senarai 5 ubat yang tiada penjimatan mengikut kementerian .....	25
Jadual 4 Perbezaan harga (per unit) berdasarkan perubahan jenama produk .....	30
Jadual 5 Penurunan harga (per unit) berdasarkan perubahan jenama produk .....	31
Jadual 6 Peningkatan harga (per unit) berdasarkan perubahan jenama produk .....	32



## Senarai Singkatan

BPPs	Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
BAPF	Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
HPU	Hospital Pengajar Universiti
IQR	<i>Inter Quatile Range</i>
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPHU	Kajian Pemantauan Harga Ubat
LPKKM	Lembaga Perolehan KKM
MINDEF	Kementerian Pertahanan Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
SST	Surat Setuju Terima

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Secara umumnya, perolehan ubat-ubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dilaksanakan secara berasingan walaupun menggunakan item yang sama untuk tujuan rawatan pesakit. Oleh yang demikian, KKM berpandangan perolehan ubat-ubatan secara bersama wajar dilaksanakan dengan kementerian lain memandangkan kementerian ini turut terlibat dalam perolehan ubat-ubatan bagi fasiliti kesihatan di bawah kementerian masing-masing serta mempunyai aspirasi yang sama iaitu untuk mencapai matlamat penjagaan kesihatan yang berkualiti. Objektif utama pelaksanaan perolehan ubat-ubatan secara bersama di antara KKM, KPT dan MINDEF adalah untuk mengoptimumkan perbelanjaan dan memberi penjimatan kepada Kerajaan melalui perolehan dalam kuantiti berskala besar serta mempunyai *economy of scale*.

Analisis ini dijalankan secara retrospektif melibatkan **88 ubat-ubatan** yang terlibat dalam perolehan bersama dengan mengambil data harga ubat sebelum dan semasa perolehan ubat secara bersama. **Tiga (3) kementerian** yang terlibat dalam kaedah perolehan bersama adalah KKM, MINDEF dan enam (6) Hospital Pengajar Universiti (HPU) di KPT.

Secara keseluruhan, **nilai anggaran penjimatan di sektor awam** (KKM, MINDEF dan KPT) dengan pelaksanaan perolehan secara bersama antara kementerian adalah **RM179.6 juta (17.7%** dari anggaran jumlah perolehan). Dari anggaran penjimatan keseluruhan tersebut, terdapat nilai penjimatan iaitu **RM186.6 juta** dan nilai tiada penjimatan iaitu -RM 7.1 juta. Secara keseluruhan, semua kementerian mendapat penjimatan yang besar dengan penurunan harga dari perolehan bersama ini. **KKM** memperolehi **nilai penjimatan yang tertinggi** iaitu sebanyak RM120.4 juta, diikuti dengan KPT sebanyak RM59.4 juta dan MINDEF sebanyak RM6.8 juta.

**Median penurunan harga per unit** terbesar dari perolehan bersama diperolehi oleh **MINDEF** sebanyak **44.00%** atau **RM3.34 (IQR: RM0.66 – RM14.62)**, diikuti dengan **KPT** sebanyak **31.47%** atau **RM2.05 (IQR: RM0.33 – RM9.72)** dan **KKM** sebanyak **5.44%** atau **RM0.34 (IQR: RM0.08 – RM3.63)**.

Penjimatan dan penurunan harga dalam perolehan bersama ini berlaku kerana perolehan dilakukan dengan kuantiti berskala besar/ mempunyai '*economy of scale*' berbanding perolehan berasingan antara kementerian. Oleh itu, perolehan bersama antara kementerian ini **wajar terus dilaksanakan** dengan penambahan ubat-ubatan lain dalam kontrak pusat serta mengkaji penjimatan yang paling menguntungkan kepada kerajaan.

## 1.0 PENGENALAN

Secara umumnya, perolehan ubat-ubatan di KKM, KPT dan MINDEF dilaksanakan secara berasingan walaupun menggunakan item yang sama untuk tujuan rawatan pesakit. KKM berpandangan perolehan ubat-ubatan secara bersama wajar dilaksanakan dengan kementerian lain seperti KPT dan MINDEF memandangkan kedua-dua kementerian ini turut terlibat dalam perolehan ubat-ubatan bagi fasiliti kesihatan di bawah kementerian masing-masing serta mempunyai aspirasi yang sama iaitu untuk mencapai matlamat penjagaan kesihatan yang berkualiti. Justeru itu, satu kertas cadangan telah dikemukakan oleh KKM kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk pertimbangan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

**Objektif utama** pelaksanaan perolehan ubat-ubatan secara bersama di antara KKM, KPT dan MINDEF adalah bertujuan untuk mengoptimumkan perbelanjaan dan memberi penjimatan kepada Kerajaan melalui perolehan dalam kuantiti berskala besar/ mempunyai *economy of scale* (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).




- **Mengoptimumkan perbelanjaan**



- **Penjimatan kepada Kerajaan**


## 2.0 LATAR BELAKANG


### + Kronologi ringkas pelaksanaan perolehan secara bersama antara kementerian



**14 November 2017**  
Pelan tindakan untuk melaksana perolehan ubat-ubatan di antara KKM, MINDEF dan KPT


**12 Disember 2017**  
Mesyuarat kali pertama melibatkan wakil KKM, MINDEF dan KPT diadakan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastan (BPPs), KKM






**7 Februari 2018**  
Mesyuarat kali pertama peringkat BAPF telah diadakan diikuti beberapa mesyuarat susulan


**30 April 2018**  
Kertas cadangan perolehan ubat-ubatan secara bersama di antara KKM, MINDEF dan KPT telah dikemukakan kepada BPPs untuk mendapatkan kelulusan MOF melibatkan 89 item ubatan






**27 Februari 2019**  
MOF meluluskan permohonan bagi pelaksanaan perolehan ubatan bersama antara KKM, MINDEF dan KPT secara kaedah tender terbuka, melibatkan 85 item ubatan

**10 Disember 2020**  
KKM telah memohon tambahan 3 item ubatan untuk dilaksanakan secara perolehan bersama dan diluluskan oleh MOF melalui surat





**3 Februari 2021**  
Penambahan HPUPM ke dalam senarai asal HPU menjadikan jumlah keseluruhan 6 buah HPU di bawah KPT

### Perincian kronologi perolehan bersama

Pelan tindakan untuk melaksana perolehan ubat-ubatan secara bersama di antara KKM, KPT dan MINDEF telah bermula sejak akhir tahun 2017 susulan cadangan yang diterima daripada KPT melalui surat, JPT.S(G)2000/021/07/01 Jld.11 (16) bertarikh 14 November 2017 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017). Mesyuarat kali pertama telah diadakan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan (BPPs), KKM yang melibatkan wakil ketiga-tiga kementerian telah diadakan pada 12 Disember 2017.

Hasil mesyuarat tersebut, Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF), KKM telah dilantik untuk meneliti senarai ubat-ubatan yang bersesuaian, memberi cadangan kaedah pelaksanaan dan pengurusan kontrak yang sesuai melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Pengarah BAPF. Mesyuarat kali pertama peringkat BAPF telah diadakan pada 7 Februari 2018 diikuti beberapa siri mesyuarat susulan. Kertas cadangan perolehan ubat-ubatan secara bersama di antara KKM, KPT dan MINDEF telah dikemukakan kepada BPPs pada 30 April 2018 untuk mendapatkan kelulusan MOF. Sebanyak 89 item ubat-ubatan telah dicadang untuk dilaksanakan secara perolehan bersama.

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat No. Rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/13(7) bertarikh 27 Februari 2019 telah meluluskan permohonan bagi pelaksanaan perolehan ubat-ubatan secara bersama di antara KKM, KPT dan MINDEF yang merupakan projek rintis bagi 85 item ubat-ubatan melalui kaedah tender terbuka (Kementerian Kewangan Malaysia, 2019). Senarai ubat-ubatan yang diluluskan adalah seperti di **Lampiran 1**. KKM juga telah memohon tambahan 3 item ubat-ubatan untuk dilaksanakan secara perolehan bersama dan diluluskan oleh MOF melalui surat, MOF.BPK(S)600-1/10/13 Jld 2(11) bertarikh 10 Disember 2020. Ini menjadikan jumlah keseluruhan adalah 88 item ubat-ubatan yang diluluskan untuk dilaksanakan perolehan secara bersama di antara KKM, KPT dan MINDEF (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020). Senarai tambahan adalah seperti di **Lampiran 2**.


Pada awal pelaksanaan, tiga (3) kementerian yang terlibat dengan perolehan ini iaitu KKM, KPT dan MINDEF. Bagi KPT, lima (5) buah Hospital Pengajar Universiti (HPU) yang terlibat adalah:

- 1) Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- 2) Pusat Perubatan Universiti Malaya
- 3) Hospital Universiti Sains Malaysia
- 4) Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa
- 5) Pusat Perubatan Universiti Teknologi MARA

Terkini, terdapat tambahan kepada senarai asal HPU dengan penyenaian Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) menjadikan keseluruhan fasiliti kesihatan di bawah KPT yang terlibat adalah enam (6) buah HPU. Penambahan HPUPM ke dalam senarai ini adalah berdasarkan kelulusan MOF melalui surat, MOF.BPK(S)600-1/10/13 Jld 2(16) bertarikh 3 Februari 2021. Melalui surat ini juga MOF menyatakan keputusan tersebut tidak terhad kepada hospital pengajar sedia ada (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

### 3.0 PELAKSANAAN PEROLEHAN UBAT-UBATAN SECARA BERSAMA KKM, KPT DAN MINDEF


#### ✚ Status terkini pemuktamadan kontrak sehingga Ogos 2022



Kelompok pertama perolehan melibatkan 14 item ubat-ubatan yang diproses secara perolehan bersama di antara KKM, KPT dan MINDEF dan mula diiklankan pada 17 Julai 2019. Pemuktamadan tender oleh Lembaga Perolehan KKM (LPKKM) telah dibuat dalam tempoh Januari sehingga Mac **2020** dan tarikh mula kontrak berkuatkuasa adalah di antara Mei sehingga September **2020**. Sejumlah 29 item telah dimuktamadkan pada tahun 2020, 36 item pada tahun 2021 dan 14 item pada tahun 2022.

Proses perolehan bersama ini mematuhi tatacara perolehan kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan (Kementerian Kewangan Malaysia, 2022) selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti. Penubuhan Jawatankuasa Spesifikasi, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan adalah selari dengan keperluan tatacara perolehan dan ahli-ahlinya terdiri daripada semua kementerian yang terlibat dengan perolehan bersama.

#### ✚ Bilangan ubat yang terlibat:





Sebanyak 7 item daripada 88 item ubat yang telah diluluskan tidak dapat diperoleh secara perolehan bersama atas beberapa faktor seperti Jadual 1.

**Jadual 1 Senarai ubat dan justifikasi ubat-ubatan tidak dapat diperoleh secara perolehan bersama**


Bil	Nama ubat	Justifikasi
1.	Raloxifene HCL 60mg Tablet/Kapsul	Tiada tawaran diterima setelah 2 kali diiklankan
2.	Fludarabine Phosphate 50mg Injection	
3.	Raltegravir 400mg Tablet/Kapsul	Disenaraikan di bawah <i>Approved Product Purchase List</i>
4.	Sterile Water For Irrigation 500ml	
5.	Tenecteplase 10,000U (50mg) Injection	Pembekal tarik diri
6.	Nilotinib 150mg Kapsul	<i>Complexity</i> tawaran
7.	Nilotinib 200mg Kapsul	<i>Complexity</i> tawaran

Laporan ini disediakan berdasarkan 79 item ubat-ubatan yang telah dilaksanakan melalui proses perolehan secara bersama KKM, KPT dan MINDEF mulai Mei 2020 sehingga Ogos 2022. Dua produk yang belum dimuktamadkan iaitu Imatinib 100mg dan 400mg Tablet/Kapsul masih dalam proses kompilasi anggaran kuantiti. Senarai 79 item ubat-ubatan ini yang diproses secara perolehan bersama bermula tahun 2019 sehingga pada Ogos 2022 adalah seperti Lampiran 3. Terdapat tiga (3) ubat dengan perolehan dua jenama ubat-ubatan dalam perolehan bersama ini seterusnya menjadikan bilangan ubat-ubatan yang diukur adalah sebanyak 82. Tiga ubat dengan dua jenama tersebut adalah Mycophenolate Mofetil 250mg Tablet/Kapsul (Cellcept dan Mycofit), Mycophenolate Mofetil 500mg Tablet/Kapsul (Cellcept dan Mycofit) dan Benzydamine Hydrochloride 0.15% w/v Solution (Diffiam dan Easiflam).

## 4.0 METODOLOGI ANALISIS PEROLEHAN SECARA BERSAMA

### 4.1 Rekabentuk dan sumber data

✚ Analisis yang dilakukan melibatkan semua fasiliti yang terlibat dalam kaedah perolehan bersama iaitu:



Pelaksanaan awal perolehan bersama ini melibatkan fasiliti kesihatan KKM, MINDEF dan lima (5) Hospital Pengajar Universiti (HPU). Pada tahun 2021, tambahan satu HPU kepada senarai asal dengan penyenaian Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) menjadikan keseluruhan fasiliti kesihatan di bawah KPT yang terlibat adalah enam (6) buah HPU.

✚ Reka bentuk analisis:



## 4.2 Pengiraan dalam analisis

✚ Berikut adalah formula pengiraan dalam analisis ini:

<b>Anggaran penjimatan</b>	<p>= (Harga perolehan ubat per unit sebelum perolehan bersama x Kuantiti perolehan bersama) – (Harga perolehan per unit semasa perolehan bersama x Kuantiti perolehan bersama)</p> <p>Anggaran penjimatan dikira kerana mengambilkira kuantiti yang dipersetujui dalam Surat Setuju Terima (SST) perolehan bersama bagi kiraan bersama harga sebelum dan semasa perolehan bersama.</p>
<b>Anggaran peratus kadar penjimatan (%)</b>	$= \frac{\text{Anggaran penjimatan}}{\text{Jumlah penjimatan keseluruhan}} \times 100$
<b>Anggaran peratus penjimatan (mengikut jenama/kementerian)</b>	$= \frac{\text{Anggaran penjimatan (jenama/kementerian)}}{\text{Jumlah penjimatan keseluruhan (jenama/kementerian)}} \times 100$
<b>Perbezaan harga</b>	= Harga per unit sebelum perolehan bersama - Harga per unit perolehan bersama
<b>Peratus perbezaan harga (%)</b>	$= \frac{(\text{Harga* sebelum perolehan bersama}) - (\text{Harga* perolehan bersama})}{(\text{Harga* sebelum perolehan bersama})} \times 100$ <p>*harga per unit</p>

✚ Definisi tier dan taburan harga untuk analisis anggaran penjimatan mengikut tier harga per unit

Tier Harga	Julat harga per unit	Norma ketersediaan produk
Tier 1	RM0.01-RM1.00	Inovator & generik
Tier 2	RM1.01-RM10.00	Inovator & generik
Tier 3	RM10.01-RM30.00	Inovator & generik
Tier 4	RM30.01-RM200.00	Inovator & generik
Tier 5	>RM200.00	Inovator

✚ Definisi kategori jenama ubat dalam perolehan bersama:

**JENAMA SAMA**

- Perolehan produk inovator/generik jenama sama sebelum dan/atau semasa perolehan secara bersama.

**JENAMA BERBEZA**


- Perolehan berbeza jenama sebelum dan/atau semasa perolehan secara bersama.
- contohnya: perolehan produk inovator diperolehi sebelum perolehan secara bersama, manakala produk generik semasa perolehan secara bersama atau sebaliknya;
- contoh: perolehan produk generik dengan jenama yang berbeza, sebelum dan semasa pelaksanaan perolehan secara bersama.

**Anggaran penjimatan** digunakan kerana pengiraan adalah berdasarkan kuantiti yang dipersetujui dalam Surat Setuju Terima (SST) perolehan bagi kiraan penjimatan perolehan sebelum, semasa dan selepas perolehan bersama dengan mengambilkira unjuran penggunaan ubat-ubatan seperti yang dirancang.

## 5.0 HASIL ANALISIS

### 5.1 Anggaran penjimatan

#### 5.1.1 Penjimatan secara keseluruhan sektor awam



Rajah 1 Nilai anggaran penjimatan secara keseluruhan perolehan bersama di sektor awam


Anggaran jumlah perolehan bersama dari tahun 2020 sehingga Ogos 2022 adalah **RM 1.01 billion**. Secara keseluruhan, **nilai anggaran penjimatan** di sektor awam (KKM, MINDEF dan KPT) dengan pelaksanaan perolehan secara bersama antara kementerian adalah **RM179.6 juta (17.7%** dari anggaran jumlah perolehan) seperti yang ditunjukkan di Rajah 1. Dari anggaran penjimatan keseluruhan tersebut, terdapat **nilai penjimatan** sebanyak **RM186.6 juta** dan **nilai tiada penjimatan** sebanyak **RM 7.1 juta**.

### 5.1.2 Penjimatan mengikut kementerian

Secara keseluruhan, semua kementerian mendapat penjimatan yang besar dari perolehan bersama ini. Hasil analisis juga menunjukkan **KKM** mendapat nilai penjimatan yang tertinggi iaitu sebanyak **RM120.4 juta**, diikuti dengan **KPT** sebanyak **RM59.4 juta** dan **MINDEF** sebanyak **RM6.8 juta** (seperti di Rajah 2). Namun demikian, **KKM** juga menjadi kementerian yang tertinggi dalam perolehan yang tidak menjimatkan dengan nilai -RM6.4 juta, diikuti KPT dengan nilai sebanyak -RM0.51 juta dan MINDEF dengan nilai sebanyak -RM0.11 juta.

Umumnya, KKM adalah penyumbang terbesar dalam proses perolehan bersama ubat-ubatan. Oleh sebab itu, hasil analisis juga menunjukkan KKM mendapat nilai penjimatan dan nilai tiada penjimatan tertinggi disebabkan oleh perolehan yang dilakukan dengan kuantiti yang tertinggi di antara ketiga-tiga kementerian.

Berdasarkan analisis ini, jelas menunjukkan penjimatan dalam perolehan bersama ini diperolehi kerana perolehan dilakukan dengan kuantiti berskala besar/ mempunyai 'economy of scale' berbanding perolehan berasingan setiap kementerian.




**Rajah 2 Anggaran penjimatan dan tiada penjimatan mengikut kementerian**

### 5.1.3 Penjimatan mengikut tier harga per unit


Secara keseluruhan, anggaran penjimatan tertinggi mengikut tier harga per unit berada pada **Tier 1** (ubat dengan nilai harga dibawah RM1) dengan nilai anggaran penjimatan sebanyak **RM98.3 juta (54.8%)**, diikuti dengan **Tier 3** (anggaran penjimatan sebanyak **RM41.5 juta, 23.2%**) dan **Tier 2** dengan anggaran penjimatan sebanyak **RM27.6 juta (15.4%)** (seperti Rajah 3). Ketiga-tiga tier harga ubat iaitu **Tier 1, 2 dan 3** adalah **penyumbang terbesar (93.4%)** kepada penjimatan keseluruhan dengan harganya kurang daripada RM30/unit.

Berdasarkan nilai penjimatan sahaja, Tier 1 juga menunjukkan anggaran penjimatan yang tertinggi sebanyak RM99.7 juta (53.4%) dan Tier 3 sebanyak RM43.8 juta (23.5%). Manakala nilai tiada penjimatan, ubat dalam kategori Tier 3 dengan harga seunit RM10.01- RM30.00 menunjukkan nilai tiada penjimatan tertinggi sebanyak RM2.2 juta (32.1%), diikuti dengan Tier 4 (ubat berharga RM30.01 – RM200.00) sebanyak RM1.6 juta (23.0%) seperti di Rajah 4.



**Rajah 3 Anggaran penjimatan mengikut tier harga per unit berdasarkan nilai penjimatan keseluruhan**






**Rajah 4 Anggaran penjimatan mengikut tier harga per unit berdasarkan a) nilai penjimatan dan b) nilai tiada penjimatan**

#### 5.1.4 Penjimatan mengikut perubahan jenama produk

**Perolehan dengan jenama berbeza** semasa perolehan bersama adalah **lebih menjimatkan** iaitu sebanyak **RM111.1 juta (61.8%)** berbanding **perolehan dengan jenama sama** sebanyak **RM68.5 juta (38.2%)** bagi penjimatan keseluruhan seperti di Rajah 5. Begitu juga bagi anggaran penjimatan sahaja, perolehan dengan jenama berbeza adalah lebih menjimatkan sebanyak **RM111.4 juta (59.7%)** berbanding perolehan dengan jenama sama sebanyak **RM75.2 juta (40.3%)**. Manakala bagi anggaran tiada penjimatan, perolehan dengan jenama sama menyumbang **RM6.7 juta (94.9%)** kepada tiada penjimatan.



**Rajah 5 Anggaran penjimatan mengikut perubahan jenama produk**



#### 5.1.4.1 Penjimatan mengikut perubahan jenama dan kementerian

Perolehan jenama sama iaitu perolehan dengan **jenama inovator yang sama** menunjukkan anggaran penjimatan yang lebih tinggi di **KKM dan MINDEF** berbanding perolehan **jenama generik yang sama** seperti di Rajah 6, untuk perincian penjimatan keseluruhan sila rujuk Lampiran 4. Perubahan perolehan daripada **jenama produk inovator kepada jenama produk generik** memberikan anggaran penjimatan keseluruhan tertinggi bagi ketiga-tiga kementerian dengan nilai **RM101.2 juta (56.3%)**. Perubahan jenama produk ini juga menyumbang anggaran penjimatan keseluruhan terbesar kepada ketiga-tiga kementerian iaitu **KKM** dengan penjimatan **RM54.1 juta (53.4%)**, diikuti **KPT** dengan anggaran penjimatan **RM44.4 juta (43.9%)** dan **MINDEF** dengan anggaran penjimatan **RM2.6 juta (2.7%)**.

Perubahan perolehan produk **inovator kepada produk generik** ini memberikan **penjimatan yang tertinggi** berbanding jenis perolehan lain kerana **perbezaan harga yang ketara** produk inovator berbanding generik. Kajian Pemantauan Harga Ubat (KPHU) 2020 melaporkan harga produk inovator 5.5 kali lebih tinggi berbanding produk generik (Pharmaceutical Services Programme, 2022). Oleh yang demikian, dengan perubahan jenis jenama produk ini dapat **menurunkan harga ubat-ubatan** seterusnya **memberikan penjimatan yang optimum** kepada ketiga-tiga kementerian.

Anggaran penjimatan keseluruhan bagi produk **jenama inovator yang sama** adalah sebanyak **RM35.9 juta (20.0%)**. **KKM** memperolehi anggaran penjimatan keseluruhan sebanyak **RM28.1 juta (78.2%)** bagi produk inovator dengan jenama sama, diikuti dengan **KPT** dengan anggaran penjimatan keseluruhan sebanyak **RM4.9 juta (13.8%)** dan **MINDEF** dengan anggaran penjimatan sebanyak **RM2.8 juta (8.0%)**.

Manakala anggaran penjimatan keseluruhan bagi perolehan dengan **jenama generik yang sama** adalah **RM32.7 juta (18.2%)**. Hasil analisis juga menunjukkan **KKM** mendapat anggaran penjimatan keseluruhan iaitu **RM23.9 juta (73.4%)**, **KPT** dengan anggaran penjimatan keseluruhan sebanyak **RM8.4 juta (26.0%)** dan **MINDEF** dengan anggaran penjimatan keseluruhan sebanyak **RM0.19 juta (0.6%)**.





**Rajah 6 Anggaran penjimatan keseluruhan mengikut jenama dan kementerian**

**Perubahan jenama produk generik kepada generik lain** juga memberikan penjimatan kepada ketiga-tiga kementerian dengan nilai **RM7.8 juta (78.2%) kepada KKM, KPT sebanyak RM1.2 juta (12.4%) dan MINDEF sebanyak RM0.9 juta (9.4%)**. Jumlah anggaran penjimatan keseluruhan ini adalah **RM10.0 juta (5.6%)**.



Ini juga selaras dengan penemuan anggaran penjimatan sahaja, ketiga-tiga kementerian memperolehi penjimatan seperti yang ditunjukkan di Rajah 7 dan untuk perincian penjimatan sahaja sila rujuk Lampiran 5. Nilai penjimatan bagi ketiga-tiga kementerian adalah **perolehan produk inovator kepada generik** semasa perolehan bersama iaitu **RM54.1 juta (53.4%) bagi KKM, RM44.4 juta (43.9%) bagi KPT dan RM2.6 juta (2.7%) bagi MINDEF**.

Begitu juga penjimatan bagi **perolehan jenama generik kepada generik lain** juga memberikan penjimatan bagi ketiga-tiga kementerian dengan nilai sebanyak **RM7.9 juta (77.9%) bagi KKM, RM1.2 juta (12.1%) bagi KPT dan RM1.0 juta (10.0%) bagi MINDEF**.

Namun demikian, tidak semua perolehan perubahan jenama memberikan penjimatan kepada kerajaan. Terdapat perubahan **perolehan produk generik kepada produk inovator** yang tidak memberi penjimatan kepada KPT sebanyak -RM0.12 juta seperti Rajah 6 (b). Walaubagaimanapun, analisis terperinci untuk anggaran penjimatan sahaja masih menunjukkan nilai penjimatan yang kecil kepada KPT sebanyak **RM40,479.54** seperti di Rajah 7 (b).



**Rajah 7 Anggaran penjimatan mengikut jenama produk dan kementerian**



**Rajah 8 Anggaran tiada penjimatan mengikut jenama produk dan kementerian**

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 8, anggaran tiada penjimatan sahaja, terdapat perolehan jenama inovator dengan jenama yang sama dan perubahan jenama daripada generik kepada generik yang lain dalam perolehan bersama yang menyumbang kepada tiada penjimatan dan untuk perincian tiada penjimatan sahaja sila rujuk Lampiran 6. Penemuan tiada penjimatan dalam perolehan ini walaupun telah berlaku perubahan jenama yang menyumbang kepada nilai penjimatan yang besar, perlu dijalankan analisis selanjutnya berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada tiada penjimatan.

Nilai tiada penjimatan bagi perolehan **produk inovator dengan jenama yang sama** bagi ketiga-tiga kementerian ialah **-RM5.1 juta (93.9%)** bagi KKM, diikuti KPT sebanyak **-RM0.31 juta (5.6%)** dan MINDEF sebanyak **-RM27,680.20 (0.5%)**. Perolehan **jenama yang sama produk generik** juga menunjukkan tiada nilai penjimatan bagi KKM iaitu sebanyak **-RM1.1 juta (97.1%)** dan KPT sebanyak **-RM34,258.00 (2.9%)**.

Begitu juga bagi perolehan **generik kepada jenama generik yang berbeza** di KKM dan MINDEF dengan nilai sebanyak **-RM113,880.00** dan **-RM81,000.00**. Nilai tiada penjimatan bagi perubahan daripada **produk generik kepada inovator** hanya berlaku di KPT dengan nilai sebanyak **-RM166,050.00**.



### 5.1.5 Senarai ubat tertinggi yang menyumbang kepada penjimatan

#### a) Ubat dengan nilai penjimatan mengikut kementerian

Secara keseluruhan, **ubat inovator** seperti **Deferasirox 360mg Tablet** adalah contoh ubat yang memberi **penjimatan kepada dua kementerian** iaitu di **KKM dan KPT** manakala **Budesonide & Formoterol 160mcg + 4.5mcg Inhalation** adalah ubat dengan penjimatan tertinggi di **MINDEF dan KPT** seperti di Jadual 2. **Ubat generik Gefitinib 250mg** pula didapati tersenarai dalam ubat dengan nilai penjimatan tinggi di **ketiga-tiga kementerian**. Dapatan awal dalam analisis ini mendapati setiap kementerian mempunyai senarai ubat dengan penjimatan yang berbeza kerana sebelum pelaksanaan perolehan bersama, setiap kementerian mempunyai jenis perolehan dan harga yang berbeza. Perolehan bersama dapat **menyeragamkan harga kepada satu harga yang terbaik** dan **menurunkan harga** sebahagian ubat-ubatan yang diperoleh bagi ketiga-tiga kementerian.

**Jadual 2 Senarai 5 ubat tertinggi dengan penjimatan mengikut kementerian**

Jenis		Inovator		Generik		
	Nama generik (Jenama)	Nilai penjimatan (RM)	Median peratus penjimatan (%)	Nama generik (Jenama)	Nilai penjimatan (RM)	Median peratus penjimatan (%)
<b>2.1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</b>						
1	Deferasirox 360mg (Exjade 360mg)	6,463,800.00	5.4	1	Celecoxib 200mg (Hovid-Celecoxib)	19,536,750.00
2	Bupivacaine 0.5% Heavy Injection 5mg/ml (Marcain Spinal 0.5% Heavy, 4ml)	4,432,385.00	3.7	2	Capecitabine 500mg (Intacape)	15,340,800.00
3	Ampicillin & Sulbactam 375mg (Unasyn Tablet)	2,382,050.00	2.0	3	Gefitinib 250mg (Gefitinib Intega)	11,121,000.00
4	Anidulafungin 100mg (Eraxis)	2,218,500.00	1.8	4	Dexmedetomidine HCl 100mcg/ml (Precedex)	6,931,600.00
5	Carbamazepine CR 400mg (Tegretol CR 400mg)	1,689,400.00	1.4	5	Ezetimibe 10mg (Accord Ezetimibe 10)	6,258,000.00
<b>2.2. Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)</b>						
1	Parecoxib Sodium 40mg (Dynastat Injection 40mg)	653,600.00	9.6	1	Escitalopram 10mg (Eslo 10)	1,374,444.00
